

Peniaga kembali bersemangat

Kedatangan pelancong luar dan tempatan pulih semula perniagaan

Oleh NOR FARHANA YA'ACOB
MELAKA



Muhyiddin mengesyorkan sejak Oktober 2021 supaya pintu sempadan negara dibuka.



Melaka kembali dimeriahkan dengan kehadiran pelancong luar dan tempatan, sekali gus meningkatkan semula ekonomi negeri selepas pandemik.

Sektor pelancongan antara yang paling terjejas akibat pandemik Covid-19. Kawalan pergerakan dan penutupan sempadan negara bagi mengawal penularan virus Covid-19 telah menjelaskan pendapatan pengusaha sektor ini.

Namun, kerajaan pada ketika itu telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk Geran Khas Prihatin bagi pengusaha mikro, kecil dan sederhana (PMKS), Program Subsidi Upah bagi memastikan majikan tidak

memberhentikan pekerja.

Inisiatif Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) turut dilaksanakan supaya sektor ekonomi dan sosial dapat dibuka dengan selamat dan teratur.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengesyorkan kepada kerajaan seawal Oktober 2021 supaya pintu sempadan negara dibuka dan akhirnya pada 1 April 2022, kerajaan telah mengumumkan

pembukaan semula sempadan negara.

Pengumuman itu memberi sinar baharu kepada pemain industri pelancongan khususnya di Melaka apabila aktiviti kembali rancak sekali gus memacu ekonomi mereka.



REAKSI

“

Kehadiran pelabur baharu dan pelancong luar beri impak yang besar sekali gus meningkatkan kuasa membeli.”

- Timbalan Presiden Pertubuhan Mesra Pengguna Malaysia (PMPM), Azlin Othman.



“

Berlaku peningkatan pelancong tempatan termasuk dari luar negara terutama Singapura. Ada kalanya tempahan 200 unit penuh terutama cuti hujung minggu.”

- Pengurus Besar Hotel MITC, Szali Sabri.



“

Setakat ini tempahan hotel masih berjalan seperti biasa. Kita yakin tempahan bertambah dan kawasan pelancongan di penuh orang ramai.”

- Pengerusi Persatuan Pelancongan Negeri Melaka, Madelina WL Kuah.



“

Memang ketara kehadiran pelancong di Melaka meningkat, menjelang cuti sekolah akan datang industri inap desa di negeri ini pasti dapat sambutan.”

- Pengerusi Homestay dan Kampung Stay Melaka, Datuk Akramudin Abdul Aziz.



“

Walaupun tidak banyak (pelancong) ada peningkatan. Cuma, industri pelancongan dan perhotelan masih memerlukan perhatian dan bantuan.”

- Presiden Hotel Bajet dan Bisnes Malaysia, Dr Seri Ganesh Michiel



“

Perubahan ketara boleh dikatakan memberangsang, masa pandemik hanya boleh bawa seorang penumpang sahaja, sekarang pelanggan bertambah ramai.”

- Pemandu e-hailing, Ahmad Syafeeq Zamzuri Kabir.



“

Biarpun perniagaan saya baharu bernafas kembali, alhamdulillah ada perkembangan positif berbanding ketika pandemik.”

- Peniaga, Razali Mustafa



“

Bantuan yang diberikan sangat membantu kami selepas banyak kerugian berlaku akibat pandemik. Sekarang, pelancong pun ada datang ke kedai saya.”


- Peniaga kraftangan, Mohd Nawawi Mahmod.



“

Sekarang ini makin ramai yang datang ke kedai untuk membeli peralatan dan aksesori perkhemahan. Ini menggambarkan sektor pelancongan dalam negara semakin agresif.”

- Peniaga barangan bundle, Rosyadi Faisal Mohamad.



“

Syukur kerajaan beri beberapa bantuan termasuk bantuan tunai 'one-off' untuk bangunkan perniagaan selepas pandemik. Moga lebih bantuan diberi selepas ini.”

- Peniaga nasi gunting, Awal Juki

